

UUM/SS48/BH/17.06.05/P:14(5)

UUM anjur seminar kaunseling hingga 4-6 Ogos

BH 17/6/05 14:5

PUSAT Pembangunan Kerjaya dan Kaunseling, Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Seminar Kaunseling Kebangsaan ke-VII di Hotel Istana, Kuala Lumpur, mulai 4 hingga 6 Ogos depan.

Pengarahnya, Prof Madya Dr Zolkafli Hussin, berkata antara skop yang akan dibincangkan ialah krisis intervensi dalam kaunseling, kesan psikologi serta etika kaunseling.

Katanya, seminar tiga hari itu antara lain bertujuan mendedahkan proses kaunseling yang lebih sistematik.

"Program ini membolehkan peserta mendapat teknik dan kaedah aplikasi yang lebih bersepadu dan dinamik dalam menangani isu berkaitan dengan trauma dan kemurungan.

"Di samping itu, ia dapat membina jalinan antara pengurusan dan pentadbiran serta bertukar pendapat berkaitan tekanan serta kemurungan di tempat kerja," katanya.

Antara kertas kerja akan disampaikan ialah *Krisis Intervensi Dalam Kaunseling* oleh bekas pensyarah UUM, Prof Datuk Dr Amir Awang dan *Pendekatan Kaunseling Dalam Stress dan Trauma* (Dekan Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia UUM, Prof Madya Azmi Shaari)